



Profesor Emeritus UPM Galak Graduan Terus Terokai Ilmu



Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie ketika menyampaikan ucapanbalas pengurniaan Anugerah Profesor Emeritus di UPM.

SERDANG, 9 Ogos – Dua penerima anugerah Profesor Emeritus dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menggalakkan para graduan UPM tidak putus asa untuk terus menerokai ilmu dalam pelbagai bidang secara bersungguh-sungguh.

"Para graduan perlu bersikap positif untuk membentuk minda yang cerdas agar diri terus maju dan anda seharusnya tidak mudah berpuas hati dengan apa yang dicapai.

"Lebih baik kita gagal dalam usaha meneroka sesuatu yang lebih baik dan bermanfaat daripada hanya berdiam diri kerana khuatir menemui kegagalan," kata Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 sesi kedua, 8 Ogos ketika menyampaikan ucapanbalas pengurniaan anugerah tersebut.

Beliau turut berkata mustahaknya pendidikan yang sempurna adalah seribu kali lebih baik dari meninggalkan harta kepada anak-anak.

Dr. Zohadie yang memperoleh ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti Cornell, Amerika Syarikat merupakan anak tempatan pertama mempunyai kelulusan Ph.D dalam bidang Kejuruteraan Pertanian dan pernah dilantik sebagai Naib Canselor keempat UPM dari 18 April 2001 sehingga 31 Disember 2005.

Sementara itu, penerima Profesor Emeritus, Prof. Dr. Muhamad Awang berkata usaha gigih pelajar akan berbalas dengan penghormatan yang setimpal tidak kira apa juga bidang yang diceburi.

"Saya sangat menghargai peluang yang diberikan oleh keempat-empat Naib Canselor UPM, Tan Sri Rashdan Baba, Tan Sri Nayan Ariffin, Dr. Zohadie Bardaie dan kini Datuk Dr. Nik Mustapha untuk merealisasikan potensi diri saya di samping mencurahkan bakti bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat global," katanya ketika menyampaikan ucapanbalas pengurniaan Majlis Konvokesyen UPM ke-33 sesi ketiga, 9 Ogos yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau menerima Ph.D dengan pengkhususan dalam bidang pencemaran udara dan tumbuhan dari Universiti Sheffield, United Kingdom pada tahun 1979 dan sepanjang kerjaya akademik dan profesionalnya, beliau telah menerbitkan pelbagai artikel (melebihi 300 kertas penerbitan) yang dimuatkan di dalam jurnal berwasit, bab-bab di dalam buku, prosiding seminar dan konferensi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau adalah seorang Profesor Sains Alam Sekitar di Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM dan pernah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik UPM mulai 16 Jun 2000 sehingga 7 April 2005.

Dr. Muhamad Zohadie Bardaie dan Dr. Muhamad Awang, masing-masing menerima anugerah daripada Pro-Canselor Tan Sri Nayan Ariffin dan Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek.



Prof. Dr. Muhamad Awang menyampaikan ucapan balas pengurniaan Anugerah Profesor Emeritus pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia